



Memo
LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 13 Ogos 2024

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 11 TAHUN 2024**

**PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENDIDIKAN DI DALAM SISTEM PENGURUSAN
MAKLUMAT SUMBER MANUSIA (HRMIS)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses untuk melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang baru bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang dijangka akan dilaksanakan pada hujung tahun ini. Bagi tujuan tersebut, terdapat keperluan untuk **pengemaskinian segera** mengenai maklumat penjawat awam di dalam HRMIS.
3. Berikut itu, semua Pegawai dan Pekhidmat LGM yang **berstatus TETAP** dikehendaki untuk mengemaskini maklumat PENDIDIKAN di dalam HRMIS dengan memuat naik sijil akademik mengikut gred dan kelayakan lantikan sepertimana di bawah:

GRED	KELAYAKAN
11 hingga 18	Penilaian Menengah Rendah (PMR)
19 hingga 28	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
29 hingga 40	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/ Diploma atau setara
41 dan ke atas	Sekurang- kurangnya Ijazah Sarjana Muda dan ke atas

4. Kerjasama YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan pengemaskinian ini dilakukan **selewat-lewatnya sebelum atau pada 23 Ogos 2024 (Jumaat).**

Bersama-sama ini disertakan manual Pengemaskinian Maklumat Pendidikan melalui HRMIS untuk makluman dan rujukan YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan boleh menghubungi Urus setia HRMIS melalui emel: rashidah@lqm.gov.my / norazimah@lqm.gov.my / sarah@lqm.gov.my atau di talian 03-9206 2303/3766/2211.

6. Segala perhatian dan kerjasama YH. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**


(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)